KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	11.04.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	TNB			



HASAN (kiri) menyerahkan sumbangan kepada seorang pelajar di Dewan Jubli Kuala Rompin, Pahang, baru-baru ini.

Bantuan libatkan 5,000 pelajar seluruh negara

TNB peruntuk RM1j bantuan sekolah B40

Oleh SYED MOHD HAZIQUE SYED NOR

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) memperuntukkan sebanyak RM1 juta bagi membantu persiapan persekolahan pelajar dari keluarga berpendapatan rendah (B40) bagi sesi persekolahan 2022 melalui program Ceria Ke Sekolah (CKS).

Pengerusinya, Datuk Seri Hasan Arifin berkata, bantuan yang diserahkan secara berperingkat itu membabitkan kira-kira 5,000 pelajar di 55 kawasan di seluruh negara.

"Kepada sesetengah keluarga, pemberian keperluan asas persekolahan ini barangkali kecil nilainya.

"Bagaimanapun ia amat bermakna kepada kebanyakan keluarga yang sedia ada tergolong dalam kumpulan berpendapatan rendah, apatah lagi mereka yang terkesan dengan pandemik Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Terdahulu, Hasan menyerahkan bantuan termasuk pakaian seragam, kasut, beg dan alat tulis kepada 1,254 pelajar di Pahang termasuk di Rompin, Jelai, Bera, Cameron Highlands, Kuantan, Temerloh, Bentong dan Raub.

Dalam pada itu, Hasan berkata, sejak 2013 hingga 2021, TNB telah membantu meringankan beban 67,241 keluarga dari 395 kawasan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak melibatkan kos sebanyak RM10.5 juta.

Menurutnya, bantuan kelengkapan sekolah itu adalah sebahagian inisiatif TNB dalam bidang pendidikan terutamanya untuk golongan kurang berkemampuan sejajar dengan komitmen memperkasakan pendidikan generasi pewaris serta membangunkan modal insan negara.

"Sebagai warga korporat prihatin, kami di TNB mencurahkan bakti kepada masyarakat dalam pelbagai bentuk bantuan pendidikan.

"Inisiatif ini atas keyakinan bahawa ia boleh membawa perubahan kepada kehidupan rakyat, termasuk keluar daripada putaran ganas kemiskinan dalam jangka masa panjang," ujarnya.